



Sesi bergambar ahli jawatankuasa Asian Cultural UMS

Foto Oleh Nor Azimah Mubin

“Asian Cultural UMS”

Oleh Nor Azimah Mubin

haiziemah95@gmail.com

KOTA KINABALU, 14 MAC - Aktiviti ini telah diadakan di Falkuti Perniagaan, Ekonomi Dan Perakaunan (FPEP) dan penganjur bagi aktiviti ini ialah program HE09 International Business yang telah diramsikan oleh timbalan dekan FPEP Dr. Arif@Kamisan Pusiran.

Festival ini telah menempatkan beberapa buah Negara Asian yang terlibat di dalam festival ini seperti Negara Korea Selatan, China, Indonesia, Jepun, India dan Vietnam yang telah diwakili oleh pelajar dari program HE09.

Pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang festival ini berlangsung pada 14 Mac diantaranya ialah Cultural Booth Competition, Explores dan Runaway Show yang telah disertai oleh pelajar-pelajar UMS dari pelbagai falkuti. Aktiviti ini bertujuan untuk

memperkenalkan dan memdedahkan kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah tentang kepelbagaian budaya yang ada di Negara Asian disamping pelajar HE09 ini memperagakan baju kebangsaan dari Negara-negara Asian ini.

Penyertaan yang diterima sepanjang program ini menunjukkan bahawa keberkesanan program ini amat menunjukkan tindak balas yang positif dari pelajar di samping kedatangan pelajar ke program ini sememangnya amat memberangsangkan pengarah program ini kerana beliau sememangnya tidak menyangka bahawa program ini amat diminati oleh pelajar.

Para pelajar sememangnya berharap agar program seperti ini akan diadakan pada masa akan datang lagi kerana melalui program ini pelajar dapat menambahkan lagi sumber pengetahuan mereka tentang budaya Negara Asian selain mengikuti aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.